



Dr Mahathir bersama penjawat awam pada Majlis Townhall Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam Perak di Ipoh, semalam.

# Mahu kerajaan PH jatuh kerana hendak rasuah

> PM minta penjawat awam lakukan pengorbanan

Oleh Shamsul Kamal Amarudin  
shaka@bh.com.my

Ipoh

**T**un Dr Mahathir Mohamad mengakui ada kalangan rakyat, termasuk

penjawat awam mahu kerajaan Pakatan Harapan (PH) dijatuhkan dan mengembalikan kerajaan yang membenarkan rasuah supaya lebih menguntungkan mereka.

Perdana Menteri berkata, ada penjawat awam berpendapat kerajaan sekarang tidak sebaik kerajaan terdahulu kerana kerajaan PH tidak membenarkan mereka menerima rasuah.

“Ada juga antara kita yang

berpendapat lebih baik pemimpin rasuah yang beri wang secara percuma walaupun haram.

## Rakyat jadi mangsa

“Tetapi, percayalah apabila pemimpin dan kerajaan pilihan rakyat sendiri terbabit rasuah, sudah tentu kita akan menjadi mangsa sebab kita tidak dapat layanan sepatutnya daripada kerajaan yang mentadbir negara kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Townhall Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam Perak, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; Setiausaha Kerajaan Negeri, Zainal Azman Abu Seman; EXCO Kerajaan Negeri serta kira-kira 1,500 penjawat awam.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menyeru kakitangan awam bersama-sama kerajaan melakukan sedikit pengorbanan kerana rasuah tidak akan memberi

kebaikan kepada mana-mana pihak.

Beliau berkata, sebaliknya mereka yang bebas rasuah akan mendapat lebih kenikmatan daripada sekadar wang dan ia berkekalan sehingga generasi akan datang.

Pada masa sama, katanya, negara akan menjadi lebih maju serta mampu bersaing dengan negara lain dalam pelbagai aspek kemajuan dan pembangunan.

Dr Mahathir berkata, pemimpin yang dipilih rakyat perlu bebas daripada segala bentuk rasuah dan penyelewengan supaya menjadi contoh kepada pihak lain.

Katanya, apabila pemimpin terbabit rasuah, ramai anggota perkhidmatan awam dan pentadbir juga akan terpalit sehingga ada yang berpandangan kehidupan menjadi lebih sempurna kerana menerima wang rasuah.

“Kita sedar kerajaan lalu jatuh kerana rasuah, walaupun mereka berpendapat dengan

rasuah mereka boleh dapat sokongan rakyat.

“Tetapi, akhirnya rakyat yang menjatuhkan mereka walaupun rakyat diberi bermacam-macam dan sebagainya,” katanya.

## Kongsi kekayaan bersama

Justeru, katanya, kerajaan sekarang memberi penekanan yang amat kuat terhadap usaha membasmi rasuah kerana gejala itu akan menggagalkan apa sahaja usaha kerajaan, terutama pembangunan negara.

Dr Mahathir turut berkata, kekayaan dalam negara perlu dikongsi semua rakyat tanpa mengira agama, kaum dan warna kulit secara adil kerana ia adalah tuntutan masyarakat.

“Jika kita abaikan usaha untuk agihkan kekayaan kita ini dengan baik, maka akan berlaku perasaan tidak senang antara satu sama lain dan perasaan ini lama-kelamaan akan mencetuskan huru-hara dalam negara, bahkan lebih daripada itu,” katanya.